



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

LAPORAN TAHUNAN

2021



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

LAPORAN TAHUNAN

2021

LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK 2021 ini dikemukakan kepada Menteri Tenaga dan Sumber Asli selaras dengan peruntukan Seksyen 44E (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 iaitu “Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen”.

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Suruhanjaya Tenaga. Untuk sebarang petikan maklumat daripada penerbitan ini, kenyataan berikut hendaklah disertakan:

“Sumber: Suruhanjaya Tenaga”.

Diterbitkan oleh:

SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)

No. 12, Jalan Tun Hussein
Presint 2, 62100 Putrajaya
Malaysia
T: (603) 8870 8500
F: (603) 8888 8637
www.st.gov.my

ISSN: 2636-9869

No. Penerbitan: ST(P)08/09/2022

DICETAK DI MALAYSIA





KANDUNGAN

AKRONIM DAN SINGKATAN

- | | | | |
|-----------|--|-----------|---|
| 07 | PENGENALAN | 15 | AKTIVITI KWIE BAGI TAHUN 2021 |
| 08 | MAKLUMAT KORPORAT | 16 | MESYUARAT JKWKWIE BAGI TAHUN 2021 |
| 08 | PENUBUHAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE) | 17 | PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KWIE BAGI TAHUN 2020 |
| 10 | AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990 | 17 | PELAKSANAAN DISKAUN BIL ELEKTRIK TAHUN 2021 DI SEMENANJUNG MALAYSIA |
| 11 | JAWATANKUASA KWIE (JKWKWIE) | 24 | PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KWIE |
| 13 | SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA BAGI TAHUN 2021 | 24 | SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG LESEN AWAM PENJANAAN KATEGORI SOLAR BERSKALA BESAR (LSS) MENGENAI SUMBANGAN KEPADA DANA KWIE |
| 14 | SOROTAN MESYUARAT JKWKWIE BAGI TAHUN 2021 | 25 | PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE |





27

PENGURUSAN DANA KWIE

28

SUMBER KEWANGAN KWIE

29

TERIMAAN SUMBANGAN KWIE

31

PENDAPATAN FAEDAH KWIE

32

PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE

34

MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK

35

PERBELANJAAN MENGURUS KWIE

37

PELABURAN DANA KWIE

40

PERANCANGAN MASA HADAPAN

43

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI
ELEKTRIK BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN KWIE**

**PENYATA Pengerusi dan seorang
anggota Suruhanjaya Tenaga**

**PENYATA KEWANGAN KWIE BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**



AKRONIM DAN SINGKATAN

AAIBE	Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik
ABE	Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]
BNM	Bank Negara Malaysia
CA	Akaun Semasa - <i>Current Account</i>
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019 - <i>Coronavirus Disease 2019</i>
EPU	Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri - <i>Economic Planning Unit, Prime Minister's Department</i>
FD	Simpanan Tetap - <i>Fixed Deposit</i>
FOMCA	Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia - <i>Federation of Malaysian Consumers Associations</i>
IBR	Kawal Selia Berasaskan Insentif - <i>Incentive Based Regulation</i>
ICPT	<i>Imbalance Cost Pass-Through</i>
JAN	Jabatan Audit Negara
JKKWIE	Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik
KeTSA	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
KWC	Kumpulan Wang COVID-19
KWIE	Kumpulan Wang Industri Elektrik
LAP	Lesen Awam Pengagihan
LHDNM	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
LSS	Solar Berskala Besar - <i>Large Scale Solar</i>
MJM	Mesyuarat Jemaah Menteri
MOF	Kementerian Kewangan - <i>Ministry of Finance</i>
NUR Dist.	NUR Distribution Sdn. Bhd.
OPR	<i>Overnight Policy Rate</i>
PEMERKASA	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi
PEMERKASA+	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan
PEMULIH	Perlindungan Rakyat dan Pemulihhan Ekonomi
PERMAI 2021	Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PRE 2020	Pakej Rangsangan Ekonomi 2020
RP	Tempoh Kawal Selia - <i>Regulatory Period</i>
ST	Suruhanjaya Tenaga
STMMMD	<i>Short Term Money Market Deposit</i>
TNB	Tenaga Nasional Berhad





PENGENALAN

MAKLUMAT KORPORAT

PENUBUHAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)


AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

JAWATANKUASA KWIE (JKKWIE)

SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA BAGI TAHUN 2021

SOROTAN MESYUARAT JKKWIE BAGI TAHUN 2021

MAKLUMAT KORPORAT



VISI


Suruhanjaya Tenaga adalah badan kawal selia sektor tenaga bertaraf dunia yang berkesan serta berwibawa.



MISI

Suruhanjaya Tenaga berazam untuk mengimbangi keperluan pengguna dan pembekal tenaga bagi memastikan pembekalan yang selamat dan berdaya harap pada harga yang berpatutan, melindungi kepentingan awam, dan menggalakkan pembangunan ekonomi dan pasaran yang kompetitif dalam persekitaran yang lestari.

PENUBUHAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)



Peruntukan Akta

Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditubuhkan pada 1 Januari 2016 di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447] dan telah beroperasi secara rasmi pada 1 Februari 2017.




Pentadbiran dan Kawalan ke atas KWIE

Seperti yang termaktub di bawah subseksyen 44C(1) Akta 447, KWIE hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

NILAI TERAS

- Kecemerlangan
- Keboleharapan
- Ketulusan Dan Kesaksamaan



Fungsi KWIE

Fungsi KWIE adalah bagi menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna atau apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh ST. Bagi melicinkan pengurusan dana KWIE, ST telah menubuhkan Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) pada 4 Ogos 2015 untuk mengendalikan dana KWIE secara berhemah dan teratur.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610], ST bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Mengambil alih peranan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas, ST mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2002. Fokus utama ST adalah bekalan elektrik dan gas yang berdaya harap, kos yang munasabah dan selamat digunakan.

Kawal Selia Ekonomi



Untuk menggalakkan keekonomian dalam penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan dalam retikulasi dan penggunaan gas; menggalakkan persaingan; membolehkan pengendalian pasaran yang adil dan cekap dan mencegah penyalahgunaan monopoli atau kuasa pasaran dalam industri elektrik dan gas berpaip.



Kawal Selia Teknikal

Untuk memastikan keselamatan, daya harap, kecekapan dan kualiti bekalan dan perkhidmatan dalam industri elektrik dan bekalan gas berpaip.



Peraturan Keselamatan

Untuk melindungi industri, pengguna dan orang awam daripada bahaya yang timbul daripada penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik, serta pengagihan, pembekalan dan penggunaan gas berpaip.

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

KWIE beroperasi bagi tujuan-tujuan seperti yang termaktub di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447].

OPERASI KWIE DI BAWAH PERUNTUKAN ABE

SEKSYEN 44B (1) & (2)

Peruntukan berkenaan sumbangan oleh pemegang lesen ke dalam KWIE, jika dikehendaki oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan atau perintah dalam warta.


SEKSYEN 44C (1), (2) & (3)

SEKSYEN 44C(1): Kumpulan Wang Industri Elektrik

Peruntukan berkenaan tujuan penubuhan KWIE yang ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya.

SEKSYEN 44D (1) & (2)

Peruntukan berkenaan pembukaan akaun dan pelaburan – diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.



PENGURUSAN DANA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

SEKSYEN 44C(2): SUMBER DANA

- (a) Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44B;
- (b) Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa;
- (c) Semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan; dan
- (d) Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.

SEKSYEN 44C(3): PERBELANJAAN

- (a) Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna; atau
- (b) Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

SEKSYEN 44E (1) & (2)

SEKSYEN 44E: AKAUN

- (1) Peruntukan berkenaan penyimpanan akaun yang sepatutnya dan laporan aktiviti bagi Kumpulan Wang Industri Elektrik dan selepas berakhirnya tahun kewangan Suruhanjaya, menyediakan bagi tahun kewangan itu –
 - (a) suatu penyata akaun termasuk kunci kira-kira dan akaun bagi sumbangan dan perbelanjaan; dan
 - (b) suatu pernyataan mengenai aktivitinya.
- (2) Menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan sesalinan laporan juruaudit kepada Menteri untuk dibentangkan di kedua-dua Majlis Parlimen.



JAWATANKUASA KWIE (JKKWIE)

Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) ditubuhkan melalui kelulusan Mesyuarat ST pada 4 Ogos 2015 dan 12 Februari 2016 dengan terma rujukan bagi tujuan memastikan kewujudan semak dan imbang dalam tadbir urus KWIE bagi memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE selaras dengan objektif penubuhannya.

KEANGGOTAAN JKKWIE



Suruhanjaya Tenaga

Anggota ST sebagai Pengerusi JKKWIE



Suruhanjaya Tenaga

- a) Anggota ST
- b) Ketua Pegawai Eksekutif, ST
- c) Ketua Pegawai Operasi, ST
- d) Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Korporat, ST
- e) Pengarah, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, ST
- f) Pengarah, Jabatan Undang-Undang, ST



Wakil Kerajaan

- a) Wakil Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
- b) Wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU)
- c) Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)



Wakil Pengguna


Wakil Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)



Urus Setia

Unit KWIE, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, ST

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JKWKWIE



SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA BAGI TAHUN 2021

Diskaun khas bil elektrik 10 peratus

Kuala Lumpur: Enam sektor perniagaan bakal menerima diskain khas bil elektrik dan maklumat pada Mac depan.

Berita baik itu diberikan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika perasmian Paket Rakyat Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Perma) yang disiarakan secara langsung di stesen televisyen semalam.

Beliau berkata, enam sektor terhabit adalah pengendali hotel, taman tema, pusat

konvensyen, pusat beli-belah, pejabat syarikat penerangan, tempatan serta agensi perniagaan dan pelancongan.

"Di samping itu, rebat elektrik diberikan kepada semua pengguna TNB (Tenaga Nasional Bhd), dengan tarif dua sen per kilowatt-jam pada bitar a sen setiap kilowatt per jam," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata, bagi mengurangkan beban perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kerajaan me-

lanjutkan potongan cukai khas kepada syarikat yang memberi pengurangan sekitar 10 peratus pada pembelian kurang-kurangnya 30 peratus.

"Di samping itu, rebat elektrik diberikan kepada semua pengguna TNB (Tenaga Nasional Bhd), dengan tarif dua sen per kilowatt-jam pada bitar a sen setiap kilowatt per jam," katanya.

"Selain itu, katanya, Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan mengucudikan levi majikan bagi syarikat yang tidak dapat beroperasi atau beroperasi dengan jumlah Kandungan Pelaburan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Beliau berkata, Majlis Amanah Rakyat (Mara) juga akan meneruskan program Mata Prifitabiliti Pengeluaran (MPP) yang mana penajaan boleh memohon untuk membuat penjadualan semula bayaran balik kemudahan pinjaman pelajaran atau moratorium sehingga 31 Mac depan.

Fomca: Thumbs up for continuation of electricity rebates

KUALA LUMPUR: The continuation of rebates for electricity bills under the Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Perma) assistance package will benefit Malaysians working and studying from home due to the Covid-19 pandemic.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) chief executive officer Datuk Paul Selvaraj said any effort by the government to ease the burden of household expenditure would be extremely useful, especially for those severely affected financially.

He said this was because not many had anticipated the prolonged impact of the pandemic as a result of the reinstatement of the Movement Control Order (MCO) and Conditional Movement Control Order (CMCO) in 12 states nationwide.

"This is definitely a laudable move to reduce the financial impact on the people, especially those in the B40 and M40 groups who had lost their jobs or were forced to take pay cuts due to the pandemic."

"The electricity rebate is good as many people are working from home following the International Trade and Industry Ministry's directive. The monthly bills have certainly shot up and this initiative to reduce cost will be helpful," he told the *New Straits Times*.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday said the government would be continuing rebates for Tenaga Nasional Bhd users, both domestic and non-domestic, at a rate of two sen per kilowatt-hour from Jan 1 to June 30 this year.

He said the six-month rebate was equivalent to a reduction in electricity bills of up to nine per cent for the period.

The government, he added, had agreed to a three-month 10 per cent special discount on electricity bills from January to six business sectors nationwide, comprising hotel operators, theme parks, convention centres, shopping malls, local airline offices as well as tour and travel agencies.

Paul also commended the effort to extend the moratorium period for National Higher Education Fund Corporation (PTPTN) borrowers hit by the pandemic or floods.

Under this move, borrowers can apply for a three-month PTPTN loan repayment moratorium. However, he believed that it should be further extended until borrowers were able to secure jobs.

"This is especially for students who had just graduated last year. The pandemic has made it difficult for them to gain employment amid the tough job market."

"It should not just be for a short period but at least until the economy recovers. It should be until they get a job and are able to evaluate a repayment amount that is reasonable to their salary," he added.

KUALA LUMPUR (Jan 19): The electricity rebate announced yesterday for six business sectors heavily impacted by the Covid-19 will be funded by the government, said Tenaga Nasional Bhd (TNB).

This will include contributions from the Electricity Industry Fund, the utility company said in response to inquiries by theedgemarkets.com.

TNB said the announcement of an Imbalance Cost Pass-Through rebate of two sen per kilowatt-hour (kWh) for all customers, including domestic customers, with monthly consumption of 300kWh and below will also be funded by the government in the same manner.

"The impact of the discount and the rebate is neutral on TNB as TNB's electricity revenue will not be impacted. There will also not be any effect on TNB's busi-

Fomca: Continuation of electricity rebates a boon for those studying, working from home

KUALA LUMPUR: The continuation of rebates for electricity bills under the Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Perma) assistance package will benefit Malaysians working and studying from home due to the Covid-19 pandemic.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) chief executive officer Datuk Paul Selvaraj said any effort by the government to ease the burden of household expenditure would be extremely useful, especially for those severely affected financially.

He said this was because not many had anticipated the prolonged impact of the pandemic as a result of the reinstatement of the Movement Control Order (MCO) and Conditional Movement Control Order (CMCO) in 12 states nationwide.

"This is definitely a laudable move to reduce the financial impact on the people, especially those in the B40 and M40 groups who had lost their jobs or were forced to take pay cuts due to the pandemic."

"These people are struggling to pay for necessities, such as food, electricity and their children's education."

"The electricity rebate is good as many people are working from home following the International Trade and Industry Ministry's directive. The monthly bills have certainly shot up and this initiative to reduce cost will be helpful," he told the *New Straits Times*.

Prime Minister Tan Sri Muhyidin

din Yassin yesterday said the government would be continuing rebates for Tenaga Nasional Bhd users, both domestic and non-domestic, at a rate of two sen per kilowatt-hour from Jan 1 to June 30 this year.

He said the six-month rebate was equivalent to a reduction in electricity bills of up to nine per cent for the period.

The government, he added, had agreed to a three-month 10 per cent special discount on electricity bills from January to six business sectors nationwide, comprising hotel operators, theme parks, convention centres, shopping malls, local airline offices as well as tour and travel agencies.

Paul also commended the effort to extend the moratorium period for National Higher Education Fund Corporation (PTPTN) borrowers hit by the pandemic or floods.

Under this move, borrowers can apply for a three-month PTPTN loan repayment moratorium. However, he believed that it should be further extended until borrowers were able to secure jobs.

"This is especially for students who had just graduated last year. The pandemic has made it difficult for them to gain employment amid the tough job market."

"It should not just be for a short period but at least until the economy recovers. It should be until they get a job and are able to evaluate a repayment amount that is reasonable to their salary," he added.

Power discount for six economic sectors to be funded by govt — TNB

BY ARJUNA CHANDRAN SHANKAR
theedgemarkets.com

ness operations and financial position," the company said.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin announced yesterday that six business sectors nationwide — hotel operators, theme parks, convention centres, shopping malls, local airline offices, travel and tour agencies — would get a special discount of 10% on electricity bills from January to March.

Meanwhile, the two sen per kWh rebate was first announced on Dec 23, 2020 and will take effect from Jan 1 until June 30. This discount is equivalent to a reduction in electricity bills of up to 9%, Muhyiddin said yesterday.

Shares in TNB finished 0.98% or 10 sen lower at RM10.08 yesterday, valuing the company at RM57.5 billion. The counter saw 3.82 million shares traded.

SOROTAN MESYUARAT JKWKWIE BAGI TAHUN 2021

10 Februari

Mesyuarat JKWKWIE Bilangan 1 Tahun 2021

Perbincangan mengenai Draf Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE Sebelum Diaudit bagi tahun Berakhir 31 Disember 2020 serta pertimbangan pengurusan dana KWIE.

31 Mac

Mesyuarat JKWKWIE Bilangan 2 Tahun 2021

Perbincangan mengenai pengemaskinian Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE sebelum diaudit bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020, pengemukaan bajet KWIE bagi tahun 2022 serta cadangan untuk mewujudkan rizab bagi kemampanan dana KWIE dan pemakluman pemberian diskau elektrik.

24 Jun

Mesyuarat JKWKWIE Bilangan 3 Tahun 2021

Perbincangan mengenai pengemukaan cadangan bajet KWIE bagi tahun 2022.

29 Sept

Mesyuarat JKWKWIE Bilangan 6 Tahun 2021

Perbincangan mengenai pelarasan lebihan tuntutan bagi pakej diskau tahun 2020 oleh TNB, pertimbangan mengenai pemberian diskau bil elektrik di Semenanjung Malaysia untuk tahun 2021 dan pengemaskinian panduan sumbangan oleh pemegang lesen di Semenanjung Malaysia kepada KWIE.

26 Jul

Mesyuarat JKWKWIE Bilangan 4 Tahun 2021

Perbincangan mengenai Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Selepas Diaudit).

26 Nov

Mesyuarat JKWKWIE Bilangan 7 Tahun 2021

Perbincangan mengenai pertimbangan lebihan tuntutan pakej diskau tahun 2020 oleh TNB dikembalikan kepada MOF dan pertimbangan tidak mengenakan faedah atau penalti ke atas dana yang lewat dipindah ke dalam akaun bank KWIE.

17 Ogos

Mesyuarat JKWKWIE Bilangan 5 Tahun 2021

Perbincangan mengenai pengurusan dana KWIE, pertimbangan pemberian diskau elektrik tahun 2021 dan cadangan Sumbangan Pemegang Lesen Penjanaan kepada Dana KWIE.





AKTIVITI KWIE BAGI TAHUN 2021

MESYUARAT JKWKWIE BAGI TAHUN 2021

PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KWIE BAGI TAHUN 2020

PELAKSANAAN DISKAUN BIL ELEKTRIK TAHUN 2021 DI SEMENANJUNG MALAYSIA

PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KWIE

SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG LESEN AWAM PENJANAAN KATEGORI SOLAR BERSKALA BESAR (LSS)
MENGENAI SUMBANGAN KEPADA DANA KWIE

PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE

MESYUARAT JKKWIE BAGI TAHUN 2021

Lanjutan daripada penularan wabak Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) pada tahun 2020, Kerajaan telah mengekalkan Standard Operating Procedures (SOP) bagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2021 bagi mengekang penularan wabak ini berikutan kewujudan varian baharu dengan kadar kebolehjangkitan lebih pantas yang telah menyumbang kepada peningkatan kes harian sehingga membawa kepada *total lockdown* yang telah diumumkan bermula pada 1 Jun 2021.

Sebagai langkah keselamatan, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Pemulihian Negara (PPN) secara berfasa iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKPP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan PPN. Aktiviti seperti Bekerja Dari Rumah (BDR) telah diaktifkan sepanjang tempoh kawalan ini bagi memastikan pengoperasian kesemua sektor termasuk Kerajaan dapat berjalan seperti biasa.

ISU PERBINCANGAN TADBIR URUS KWIE, TAHUN 2021

1

10 Februari 2021

- Perbincangan mengenai Draf Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.
- Pertimbangan Pengurusan Dana KWIE.

2

31 Mac 2021

- Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sebelum Diaudit).
- Cadangan Mewujudkan Rizab bagi Kemampunan Dana KWIE.
- Cadangan Bajet KWIE bagi Tahun 2022.
- Makluman Mengenai Pemberian Diskaun Elektrik Tahun 2020 dan Tahun 2021.

3

24 Jun 2021

- Cadangan Bajet KWIE bagi Tahun 2022.

5

17 Ogos 2021

- Pengurusan Dana KWIE.
- Pertimbangan Pemberian Diskaun Elektrik Tahun 2021.
- Cadangan Sumbangan Pemegang Lesen Penjanaan kepada Dana KWIE.

4

26 Julai 2021

- Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Selepas Diaudit).

7

26 November 2021

- Pertimbangan Lebihan Tuntutan Paket Diskaun Tahun 2020 oleh TNB Dikembalikan kepada MOF.
- Pertimbangan Tidak Mengenakan Faedah atau Penalti ke Atas Dana yang Lewat Dipindah ke Dalam Akaun Bank KWIE.

6

29 September 2021

- Pelarasan Lebihan Tuntutan Bagi Paket Diskaun Tahun 2020 oleh TNB.
- Pertimbangan Mengenai Pemberian Diskaun Bil Elektrik di Semenanjung Malaysia Tahun 2021.
- Kemaskini Panduan Sumbangan oleh Pemegang Lesen di Semenanjung Malaysia kepada KWIE.



PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KWIE BAGI TAHUN 2020

Secara lazimnya, salah satu agenda di dalam Mesyuarat JKKWIE adalah perbincangan berkenaan kelulusan Penyata Kewangan (PK) beraudit dan Laporan Tahunan (LT) KWIE untuk dibentangkan di dalam kedua-dua Majlis Parliment seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 44E (1) dan (2), ABE.

Kemaskini draf PK KWIE dan LT KWIE Tahun 2020 telah dibentangkan dan diperakukan di dalam Mesyuarat JKKWIE Bilangan 2 Tahun 2021 pada 31 Mac 2021 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 4 Tahun 2021 untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN) pada 8 April 2021.

PK KWIE yang telah diaudit dan LT KWIE Tahun 2020 telah diperakukan oleh Mesyuarat JKKWIE Bilangan 4/2021 pada 26 Julai 2021 dan diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 9 Tahun 2021 pada 29 Julai 2021.

PK KWIE Tahun 2020 telah diberikan status audit dengan Sijil Tanpa Teguran oleh pihak JAN pada 4 Ogos 2021.

PK KWIE dan LT KWIE ini telah diluluskan oleh Majlis Jemaah Menteri (MJM) pada 10 Disember 2021 dan seterusnya telah dibentangkan di kedua-dua Mesyuarat Parliment, iaitu di Dewan Rakyat pada 16 Disember 2021 dan di Dewan Negara pada 20 Disember 2021.

PELAKSANAAN DISKAUN BIL ELEKTRIK TAHUN 2021 DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Ekoran penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP pada tahun 2020, kebanyakan sektor ekonomi terjejas khususnya sektor ekonomi berkaitan dengan pelancongan. Bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan pemberian diskaun bil elektrik 10% di bawah Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI 2021) pada 18 Januari 2021.

Inisiatif pemberian diskaun bil elektrik 10% di bawah pakej PERMAI 2021 ini adalah merupakan kesinambungan kepada inisiatif diskaun bil elektrik 15% di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) kepada pengguna di dalam enam (6) sektor perniagaan terpilih berkaitan pelancongan iaitu pengendali hotel, agensi pelancongan dan pengembalaan, pejabat syarikat penerbangan tempatan, kompleks beli-belah, pusat konvensyen dan pameran, dan taman tema dan rekreasi. Pemberian diskaun bil elektrik di bawah pakej PERMAI 2021 ini adalah bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Mac 2021.


Tidak terhenti setakat itu, pemberian diskaun bil elektrik 10% kepada pengguna di dalam enam (6) sektor perniagaan terpilih berkaitan pelancongan dilanjutkan di bawah Pakej Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA)

melalui pengumuman Kerajaan pada 17 Mac 2021 dan pakej ini merupakan pakej pemberian diskaun bil elektrik 10% bagi tempoh penggunaan elektrik bermula 1 April hingga 30 Jun 2021.

Kerajaan pada 31 Mei 2021 sekali lagi mengumumkan pelanjutan pemberian diskaun bil elektrik 10% kepada pengguna di dalam enam (6) sektor perniagaan terpilih berkaitan pelancongan di bawah Pakej Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) bermula 1 Julai hingga 30 September 2021.

Bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara (PPN), melalui pendekatan holistik bagi melindungi rakyat serta ekonomi yang terjejas sepanjang pelaksanaan fasa-fasa di dalam PPN, Kerajaan telah mengumumkan pemberian diskaun bil elektrik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada 28 Jun 2021 secara bersasar kepada pengguna domestik dan bukan domestik bagi tempoh 1 Julai hingga 30 September 2021. Dalam masa yang sama, Kerajaan turut mengumumkan pelanjutan tempoh pemberian diskaun bil elektrik 10% kepada pengguna enam (6) sektor perniagaan terpilih berkaitan pelancongan bagi tempoh 1 Oktober hingga 31 Disember 2021.

PELAKSANAAN PEMBERIAN DISKAUN BIL ELEKTRIK DI BAWAH PAKEJ PERMAI 2021, PEMERKASA, PEMERKASA+ DAN PEMULIH



Nota:

1. PERMAI 2021: Seperti surat KeTSA bertarikh 24 Februari 2021.
2. PEMERKASA: Seperti surat KeTSA bertarikh 23 Jun 2021.
3. PEMERKASA+ dan PEMULIH: Seperti surat KeTSA bertarikh 18 Oktober 2021.
4. 6 sektor Komersial (Perniagaan) terpilih di bawah inisiatif PEMERKASA+ akan terus menerima diskaun sebanyak 10% ke atas jumlah penggunaan elektrik bulanan dari 1 Julai hingga 30 September 2021, manakala diskau PEMULIH adalah bermula dari 1 Oktober hingga 31 Disember 2021.




Pemberian diskau bil elektrik 10% di bawah Pakej PERMAI 2021 adalah ditampung oleh Kementerian Kewangan (MOF) melalui dana Kumpulan Wang COVID-19 (KWC) dan dana KWIE dengan jumlah peruntukan yang diluluskan sebanyak RM128 juta. Walau bagaimanapun, pemberian diskau bil elektrik sebenar bagi Pakej PERMAI 2021 adalah sebanyak RM50.91 juta.

Dalam masa yang sama, pemberian diskau bil elektrik di bawah Pakej PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH ditampung oleh MOF melalui dana KWC bersama sumbangan daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB). Secara umumnya, ketiga-tiga pakej ini tidak melibatkan tampungan dana KWIE dan secara tadbir urusnya, tiada pembayaran menggunakan

dana KWIE bagi pelaksanaan diskau ini. Walau bagaimanapun, Pihak ST dan KWIE masih terlibat bagi proses semakan tuntutan diskau bil elektrik bagi ketiga-tiga pakej tersebut sebelum tuntutan dikemukakan kepada pihak MOF melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) untuk proses seterusnya.

Kerajaan berharap dengan pemberian diskau bil elektrik ini, ianya akan dapat membantu pengguna di dalam sektor berkaitan pelancongan yang terlibat dan pengguna domestik, komersial, industri dan pertanian spesifik yang layak untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka dalam keadaan ekonomi negara yang sangat mencabar pada masa ini.



RM63 juta
7%



RM64 juta
7%



**KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA**


RM779 juta
86%

Tampungan Diskaun Bil Elektrik, Tahun 2021 Mengikut Pakej




- MOF
RM64 juta
50%
- KWIE
RM64 juta
50%






PEMBERIAN DISKAUN BIL ELEKTRIK PERMAI TAHUN 2021

Tampungan pemberian diskauan bil elektrik bagi Paket PERMAI 2021 yang diluluskan oleh Kerajaan adalah sebanyak RM128 juta. Pemberian diskauan bil elektrik bagi paket PERMAI 2021 dibiayai secara bersama oleh MOF (melalui dana KWC) dan dana KWIE. Walau bagaimanapun, tuntutan sebenar diskauan bil elektrik bagi Paket PERMAI 2021 menggunakan dana KWIE adalah sebanyak RM25.46 juta.



Perbandingan jumlah peruntukan diskaun bil elektrik bagi Pakej PERMAI 2021 yang diluluskan dengan jumlah tuntutan sebenar yang menggunakan dana KWIE adalah seperti berikut:



Sebagaimana pelaksanaan tuntutan diskaun tahun 2020, tuntutan diskaun bil elektrik yang dikemukakan oleh TNB dan pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) adalah mengguna pakai proses tuntutan sedia ada iaitu dengan mengemukakan nota debit atau invois yang berkaitan beserta dokumen sokongan untuk disemak dan disahkan oleh ST. Tuntutan diskaun bil

elektrik yang dikemukakan oleh TNB dan pemegang LAP adalah berdasarkan kaedah pembayaran balik (*reimbursement*) di mana, TNB dan pemegang LAP perlu untuk memberikan terlebih dahulu diskaun bil elektrik kepada pengguna yang layak dan menuntut kembali diskaun yang telah diberikan kepada penggunanya daripada Kerajaan.

Tuntutan sebenar diskaun bil elektrik bagi Pakej PERMAI 2021 oleh pembekal utiliti adalah seperti berikut:



Nota:

1. Pemberian diskaun bil elektrik berdasarkan tuntutan sebenar oleh pihak TNB dan LAP, dan setakat amanah tumpungan yang diluluskan oleh Kerajaan.
2. Jumlah tuntutan di atas adalah tidak termasuk 50% tuntutan di bawah tumpungan MOF.

Manakala, pecahan tuntutan sebenar diskaun bil elektrik bagi pakej PERMAI 2021 mengikut sektor adalah seperti berikut:



65%	Kompleks Beli-Belah
28%	Pengendali Hotel
5%	Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan
1%	Taman Tema dan Rekreasi
0.7%	Pusat Konvensyen dan Pameran
0.3%	Agensi Pelancongan dan Pengembawaan


Perincian tuntutan sebenar diskaun bil elektrik bagi Pakej PERMAI 2021 daripada pihak TNB dan pemegang LAP bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Mac 2021 yang ditampung menggunakan dana KWIE sepenuhnya adalah seperti berikut:

TNB



RM15.64 juta (68.00%)	Kompleks Beli-Belah
RM5.97 juta (26.00%)	Pengendali Hotel
RM0.77 juta (4.00%)	Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan
RM0.25 juta (1.00%)	Taman Tema dan Rekreasi
RM0.18 juta (0.80%)	Pusat Konvensyen dan Pameran
RM0.08 juta (0.20%)	Agensi Pelancongan dan Pengembawaan

LAP





RM1,060,481 (41.32%)	Pengendali Hotel
RM1,016,414 (39.60%)	Kompleks Beli-Belah
RM495,764 (18.93%)	Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan
RM1,905 (0.07%)	Taman Tema dan Rekreasi
RM1,474 (0.06%)	Pusat Konvensyen dan Pameran
RM458 (0.02%)	Agensi Pelancongan dan Pengembawaan

Jumlah bilangan pengguna TNB dan pemegang LAP berdasarkan tuntutan diskaun bil elektrik bagi Pakej PERMAI 2021 di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:



Manakala, jumlah bilangan pengguna TNB dan pemegang LAP mengikut sektor yang terlibat yang telah menikmati diskaun 10% bil elektrik bagi pakej PERMAI 2021 di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:



PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KWIE

Memandangkan pada tahun 2020 hampir keseluruhan dana KWIE digunakan untuk menangani impak tarif elektrik sama ada melalui tumpungan surc妖 Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) mahupun pemberian diskau elektrik, JKKWIE telah mengesyorkan agar KWIE memohon pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan KWIE bagi tahun taksiran 2022 dan tahun berikutnya supaya amaun tersebut dapat digunakan untuk menampung impak tarif elektrik bagi tempoh seterusnya untuk mengurangkan kebarangkalian kenaikan tarif elektrik dilepaskan kepada pengguna,

yang secara langsung boleh meningkatkan kos sara hidup rakyat.

Sehubungan dengan itu, permohonan pengecualian cukai pendapatan KWIE telah diluluskan oleh MOF ke atas pendapatan berkanun pada 17 Ogos 2021 untuk tempoh tiga (3) tahun lagi mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2024. Dalam masa yang sama, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.


SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG LESEN AWAM PENJANAAN KATEGORI SOLAR BERSKALA BESAR (LSS) MENGENAI SUMBANGAN KEPADA DANA KWIE

Selaras dengan peruntukan seksyen 44B ABE, proses pewartaan sedang dilaksanakan untuk menguatkuasakan kutipan sumbangan pemegang lesen ke dalam dana KWIE.

Berhubung dengan pelaksanaan ini, cadangan formula kutipan sumbangan pemegang lesen awam penjanaan ke dalam dana KWIE, telah diluluskan di dalam mesyuarat ST Bilangan 10 Tahun 2021 pada 26 Ogos 2021.


Sehubungan dengan itu, KWIE telah mengadakan satu sesi libat urus secara atas talian pada 6 Oktober 2021 bersama pemegang lesen Solar Berskala Besar (LSS) bagi memberi taklimat berkenaan cadangan sumbangan pemegang lesen awam penjanaan di Semenanjung Malaysia kepada dana KWIE.

AGENDA SESI LIBATURUS



Ucapan aluan Ketua
Pegawai Eksekutif, ST

Sesi taklimat
daripada KWIE



**Sesi soal jawab**

- Latar belakang dan perbezaan antara KWIE dan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).
- Sisi perundangan dan garis masa kutipan sumbangan KWIE.
- Cadangan Formula Sumbangan.
- Proses yang terlibat dalam sumbangan pemegang lesen kepada KWIE.


PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE

Proses pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan KWIE dilaksanakan secara manual dengan menggunakan *Microsoft Excel* sejak mula beroperasi dari 2017. Namun begitu, berikutan daripada peningkatan transaksi tahun demi tahun dan beberapa keperluan, KWIE telah mengambil inisiatif untuk membangunkan sistem kewangan yang memenuhi kriteria pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Terma rujukan bagi pembangunan Sistem Kewangan KWIE telah diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 11 Tahun 2020 pada 13 Oktober 2020 manakala bajet untuk membangunkan Sistem Kewangan KWIE ini telah diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 1 Tahun 2021 pada 18 Februari 2021.

Pada 8 Mac 2021, tender projek berkaitan pembangunan Sistem Kewangan KWIE telah diiklan di dalam akhbar *The Star*, Berita Harian dan laman sesawang ST. Setelah semakan dan sesi penilaian tender dilaksanakan di peringkat ST, Surat Setuju Terima telah ditandatangan oleh petender yang berjaya dan project kick-off telah bermula pada 20 September 2021 dengan tempoh pelaksanaan selama enam (6) bulan.

PELAKSANAAN PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE, TAHUN 2021





PENGURUSAN DANA KWIE

SUMBER KEWANGAN KWIE

TERIMAAN SUMBANGAN KWIE

PENDAPATAN FAEDAH KWIE

PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE

MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK

PERBELANJAAN MENGURUS KWIE



Penubuhan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) yang ditadbir urus dan dikawal selia serta dikendalikan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan mandat besar yang diberikan oleh Kerajaan. Mandat tersebut adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 44C(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE), agar ST dapat menguruskan dana KWIE berdasarkan amalan kewangan yang baik.

Sumber kewangan terimaan dan penggunaan dana bagi perbelanjaan dana KWIE adalah seperti yang diperuntukkan di dalam ABE, seperti berikut:

SUMBER KEWANGAN KWIE

SUMBER KEWANGAN KWIE MENGIKUT PERUNTUKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44C(2)

1

Perenggan 44C(2)(a)

Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44B.

2

Perenggan 44C(2)(b)

Apa-apa wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa.

3

Perenggan 44C(2)(c)

Semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan.

4


Perenggan 44C(2)(d)

Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.


Secara umumnya pada ketika ini, sumber kewangan KWIE diperoleh daripada terimaan sumbangan dan faedah pendapatan.

PERBANDINGAN SUMBER KEWANGAN KWIE




Terimaan Sumbangan:



Faedah Pendapatan:



Jumlah Sumber Kewangan:



■ Faedah Pendapatan
■ Terimaan Sumbangan

TERIMAAN SUMBANGAN KWIE

Pada tahun 2021, KWIE telah menerima sumbangan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR Dist.) sebanyak RM1,497 juta. Terimaan sumbangan dana adalah seperti berikut:

- Pelarasan hasil dan kos TNB di bawah mekanisme Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) seperti yang diputuskan oleh Kerajaan.

Tarikh MJM	Hasil Keputusan
23 Jun 2021	Anggaran pelarasan hasil dan kos TNB di bawah IBR bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 sebanyak RM378.17 juta*.

*Nota:

Amaun kelulusan Kerajaan adalah berdasarkan amaun anggaran manakala dana yang dipindahkan ke dalam KWIE berdasarkan amaun sebenar selepas diaudit.

2) Lebihan penjimatan *Imbalance Cost Past-Through* (ICPT) di bawah IBR seperti keputusan Kerajaan.

Tarikh MJM	Hasil Keputusan
18 Disember 2020	Anggaran lebihan penjimatan ICPT TNB bagi tempoh pelaksanaan 1 Januari sehingga 30 Jun 2021 sebanyak RM1,105.66 juta.
23 Jun 2021	Anggaran lebihan penjimatan ICPT di Kulim High Technology Park (KHTP) bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2021 sebanyak RM9.22 juta*.

*Nota:

Amaun kelulusan Kerajaan adalah berdasarkan amaun anggaran manakala dana yang dipindahkan ke dalam KWIE berdasarkan amaun sebenar selepas diaudit.

Pada 18 Disember 2020, Kerajaan telah memutuskan supaya dana lebihan penjimatan ICPT dengan anggaran sebanyak RM1,105.66 juta bagi tempoh pelaksanaan 1 Januari sehingga 30 Jun 2021 dipindahkan oleh TNB ke dalam dana KWIE. Sehingga 30 Jun 2021, TNB telah pun membuat pindahan sebanyak RM1,105.66 juta lebihan penjimatan ICPT ke dalam dana KWIE berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bagi tempoh pelaksanaan tersebut.


Seterusnya, Kerajaan pada 23 Jun 2021 telah memutuskan supaya pelarasan hasil dan kos TNB yang sebenar sebanyak RM381.68 juta bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 di bawah lanjutan tempoh kawal selia kedua (RP2) IBR dipindahkan ke dalam dana KWIE. Kerajaan juga memutuskan supaya penjimatan ICPT sebanyak RM9.22 juta atau rebat ICPT 1.15 sen/kWj di KHTP dipindahkan ke dalam dana KWIE bagi menangani impak kenaikan tarif elektrik.

PERBANDINGAN TERIMAAN SUMBANGAN, TAHUN 2020 & 2021

TERIMAAN SUMBANGAN	2021	2020
TNB		
• Pelarasan hasil dan kos di bawah IBR	RM382 juta ¹	RM332 juta ¹
• Lebihan penjimatan ICPT	RM1,106 juta ¹	RM1,014 juta ¹
NUR Dist.		
• Lebihan penjimatan ICPT	RM9 juta ²	-
Jumlah Terimaan Sumbangan	RM1,497 juta	RM1,346 juta

Nota:

1. Amaun terimaan yang dipindahkan ke dalam dana KWIE adalah berdasarkan amaun sebenar selepas diaudit.
2. Amaun terimaan adalah amaun anggaran yang diluluskan oleh MJM.



PENDAPATAN FAEDAH KWIE

KWIE memperoleh pendapatan faedah daripada keuntungan bagi penempatan dana KWIE di dalam Simpanan Tetap (FD), Short Term Money Market Deposit (STMMD) dan hibah Akaun Semasa (CA) KWIE di institusi kewangan yang berdaftar di bawah Kementerian Kewangan (MOF).


Setiap agihan dan penempatan dana di institusi kewangan ini adalah tertakluk kepada Polisi Dana KWIE yang diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 6 Tahun 2018 pada 26 Oktober 2018 dan ianya bergantung kepada tawaran kadar pulangan yang tinggi dan kompetitif oleh institusi kewangan.

Pada tahun 2020, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menurunkan kadar *Overnight Policy Rate* (OPR) berjumlah 1.25% akibat pandemik COVID-19 yang telah memberikan kesan besar kepada ekonomi global khususnya di Malaysia. Memandangkan pandemik ini berlanjut pada tahun 2021, BNM memutuskan untuk mengekalkan kadar OPR sepanjang tahun 2021 pada kadar 1.75%.

Secara purata, jumlah pendapatan faedah yang diperolehi oleh KWIE pada tahun 2021 naik sebanyak 15% berbanding tahun 2020.

PERBANDINGAN PENDAPATAN FAEDAH KWIE, TAHUN 2018 – 2021


	Pendapatan Faedah			
	2021 (RM)	2020 (RM)	2019 (RM)	2018 (RM)
Faedah FD & STMMD	19 juta (76%)	13 juta (65%)	19 juta (79%)	33 juta (87%)
Hibah CA	6 juta (24%)	7 juta (35%)	5 juta (21%)	5 juta (13%)
Jumlah Pendapatan Faedah	25 juta	20 juta	24 juta	38 juta



PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE

Perbelanjaan oleh KWIE adalah seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 44C(3) ABE seperti berikut:

Perenggan 44C(3)




Lanjutan daripada pemberian diskauan bil elektrik 2020, sebahagian kecil dana KWIE tahun 2021 telah digunakan untuk menampung pemberian diskauan bil elektrik bagi Pakej Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI 2021). Selain itu, dana KWIE turut digunakan untuk mengurus impak tarif elektrik, di samping perbelanjaan pengurusan dana.

Perincian perbelanjaan dana KWIE bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:


Perbelanjaan KWIE	2021	2020
Mengurus Tuntutan Diskaun Bil Elektrik	RM25.46 juta ¹	RM1,906.32 juta
Mengurus Impak Tarif Elektrik	RM491.56 juta ²	RM11.87 juta
Perbelanjaan Pengurusan Dana	RM7.38 juta	RM6.03 juta
Jumlah Perbelanjaan	RM524.40 juta	RM1,924.22 juta

Nota:

1. Perbelanjaan mengurus tuntutan diskauan bil elektrik adalah bagi tumpungan bagi Pakej PERMAI 2021 sahaja.
2. Tumpungan rebat ICPT bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2021.



PERBEZAAN PERBELANJAAN DANA KWIE SEPANJANG TAHUN 2021 & 2020



Terdapat perbezaan yang ketara di dalam perbelanjaan KWIE bagi tahun 2021 berbanding tahun 2020. Tahun 2021 menunjukkan perbezaan yang besar bagi jumlah tumpungan diskain bil elektrik di mana terdapat pengurangan 99% penggunaan dana KWIE pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 bagi perbelanjaan ini.

Manakala sebanyak 41% kenaikan penggunaan dana KWIE bagi perbelanjaan tumpungan rebat ICPT bagi tahun 2021 berbanding tahun 2020 di mana penggunaan dana bagi tumpungan surcaj ICPT tahun 2020 adalah sebanyak RM11.87 juta bagi pengguna di KHTP dan pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) sahaja.

MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK

SEMAKAN PELARASAN TARIF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA DI BAWAH KERANGKA KAWAL SELIA BERASASKAN INSENTIF (IBR)

Subseksyen 26(1) ABE telah memperuntukkan bahawa "Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen". ST dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja IBR bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik TNB pada setiap tempoh kawal selia (*Regulatory Period "RP"*) tiga (3) tahun bermula daripada 2015 hingga 2017 sebagai tempoh kawal selia pertama, RP1.

Kerajaan telah memutuskan supaya kadar tarif asas elektrik TNB di Semenanjung Malaysia dikekalkan pada kadar 39.45 sen/kWj bagi tempoh lanjutan RP2 di bawah IBR seperti berikut:

Tempoh Kawal Selia Pertama (RP1)	Tempoh Kawal Selia Kedua (RP2)
2015-2017	2018-2021
Kadar tarif asas	Kadar tarif asas
38.53 sen/kWj	39.45 sen/kWj

Tampungan dana KWIE bagi surcaj atau rebat ICPT kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung Malaysia di bawah kendalian pihak utiliti iaitu TNB dan NUR Dist. serta pemegang LAP bagi tahun 2021 adalah mengikut kelulusan yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bagi pelaksanaannya untuk setiap enam (6) bulan.


Pada 18 Disember 2020, Kerajaan telah memutuskan supaya pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 dengan rebat ICPT pada kadar 2.00 sen/kWj dilepaskan kepada semua pengguna domestik (termasuk pengguna domestik dengan penggunaan elektrik bulanan 300 kWj dan ke bawah) dan bukan domestik di Semenanjung Malaysia, menggunakan kos penjimatan ICPT dan tiada tampungan dana KWIE digunakan bagi tempoh ini.

Selaras dengan peruntukan tersebut, Kerajaan juga pada 18 Disember 2020, telah bersetuju supaya tempoh RP2 IBR dilanjutkan dalam penetapan tarif Semenanjung yang berakhir pada 31 Disember 2020 kepada 31 Disember 2021. Semakan semula kadar tarif asas bagi tempoh kawal selia ketiga (RP3) selama setahun telah ditangguhkan dan tempoh baharu bagi pelarasan tarif asas elektrik di Semenanjung Malaysia ialah dari tahun 2022 hingga 2024.

Kerajaan juga telah bersetuju supaya rebat sebanyak 2.00 sen/kWj kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia dikekalkan bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2021. Pengekalan rebat 2.00 sen/kWj ini ditampung melalui penjimatan ICPT sebanyak RM638.98 juta atau bersamaan rebat pada kadar 1.13 sen/kWj dan melalui dana KWIE sebanyak RM491.56 juta atau bersamaan rebat pada kadar 0.87 sen/kWj bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2021. Sehingga Disember 2021, KWIE telah menampung rebat sebanyak RM393.59 juta daripada lebihan ICPT bagi tempoh pelaksanaan Julai hingga November 2021 berdasarkan tampungan rebat sebenar daripada TNB, manakala bakinya sebanyak RM97.97 juta bagi bulan Disember 2021 akan dijelaskan oleh KWIE pada tahun 2022.



PERINCIAN PELARASAN TARIF ELEKTRIK DAN PENGGUNAAN DANA KWIE BAGI TAHUN 2021 BAGI PENGGUNA DI BAWAH TNB, NUR DIST. DAN PEMEGANG LAP



*Nota:

Pemberian rebat kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia.

PERBELANJAAN MENGURUS KWIE

Bagi tujuan mengurus, dana KWIE digunakan untuk perbelanjaan cukai dan kos pentadbiran.

PERBELANJAAN CUKAI KWIE

Perbelanjaan cukai KWIE dikira atas lebihan pendapatan bercukai bagi tahun semasa berdasarkan kepada pengiraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan diuruskan oleh ejen cukai yang dilantik oleh ST. KWIE telah membayar dan memperuntukkan perbelanjaan cukai berjumlah RM465 juta, daripada tahun 2017 sehingga kini.

2021

RM7
juta


2020

RM6
juta

KOS PENTADBIRAN KWIE

Kos pentadbiran yang dibiayai oleh KWIE merupakan kos pengendalian dana KWIE, iaitu fi audit Jabatan Audit Negara (JAN), fi ejen cukai, kos penerbitan laporan tahunan, elauan mesyuarat ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) dan caj bank.

KWIE mencatat kenaikan kos pentadbiran sebanyak 68% pada 2021 berbanding 2020. Pecahan kos pentadbiran bagi 2021 dan 2020 adalah seperti berikut:





PELABURAN DANA KWIE




Penempatan dan pengagihan pelaburan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) dilaksanakan selaras dengan Polisi Dana KWIE yang diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 6 Tahun 2018 pada 26 Oktober 2018.

Selaras dengan peruntukan subseksyen 44D(1), dana KWIE telah dilaburkan dalam institusi kewangan yang dibenarkan menerima deposit berdasarkan senarai yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Pada ketika ini, dana KWIE ditempatkan dalam pelaburan jenis Simpanan Tetap (FD) dan *Short Term Money Market Deposit* (STMMD).

PERINCIAN PENEMPATAN DAN PENGAGIHAN DANA KWIE DI INSTITUSI KEWANGAN, TAHUN 2021

Sepanjang tahun 2021, sebanyak enam (6) kali penempatan dan pengagihan dana KWIE ditempatkan di institusi kewangan yang terdiri daripada penempatan FD dan STMMD




SAIZ PELABURAN DAN KADAR PULANGAN


Purata jumlah pelaburan dana KWIE di dalam FD dan STMMD bagi tahun 2021 ialah RM942 juta dengan pulangan sebanyak RM19 juta pada kadar purata pulangan tahunan sebanyak 2.02%.

Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan *Overnight Policy Rate* (OPR) sepanjang tahun pada kadar 1.75%.

PERATUS KEUNTUNGAN PELABURAN BAGI SETIAP PENEMPATAN



PERATUS AGIHAN PENEMPATAN DANA KWIE TAHUN 2021 MENGIKUT BANK





PERANCANGAN MASA HADAPAN


Sejak bermulanya wabak Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) pada tahun 2020, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu dan membendung penularan wabak ini yang secara globalnya telah memberikan impak besar kepada negara-negara di seluruh dunia khususnya Malaysia samada dari segi sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Menjelang tahun 2022, Kerajaan tetap bersedia dalam menghadapi ketidaktentuan dan risiko penularan semula COVID-19. Kerajaan telah melancarkan Pelan Strategik Pengurusan Pandemik Nasional dimana pelan ini bukan sahaja meliputi pengurusan pandemik COVID-19, malah sebarang pandemik lain pada masa akan datang secara "WHOLE NATION APPROACH".

Selaras dengan hasrat Kerajaan, Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) akan berusaha memastikan kemampaman dana untuk menyokong segala usaha Kerajaan dalam mengimbangi ekonomi dan kesejahteraan rakyat khususnya dalam mengimbangi impak tarif elektrik terhadap pengguna.

Justeru itu, selaras dengan fungsi KWIE seperti yang telah diperuntukkan oleh Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE), bagi memantapkan pengurusan dan kemampaman dana KWIE, tahun 2022 bakal menjadi perintis di dalam perekodan dan pengurusan dana KWIE yang lebih sistematik dengan pembangunan sistem kewangan bagi menggantikan proses perekodan dan pengurusan dana KWIE secara manual pada tahun-tahun sebelum ini.

PROSES PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE 2022



Dalam masa yang sama, inisiatif bagi mengutip sumbangan Pemegang Lesen Penjanaan di Semenanjung Malaysia kepada dana KWIE sedang giat dijalankan. Bagi memantapkan rangka kerja kutipan sumbangan KWIE, satu garis panduan sumbangan pemegang lesen di Semenanjung Malaysia kepada dana KWIE akan dibangunkan bagi memberikan panduan dan rujukan kepada pemegang lesen yang terbabit setelah kutipan sumbangan KWIE dilaksanakan kelak.

KRONOLOGI PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN KUTIPAN SUMBANGAN PEMEGANG LESEN PENJANAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

PENCAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KWIE

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA

PENYATA KEWANGAN KWIE BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Kumpulan Wang Industri Elektrik dan Penyata Prestasi Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 27.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara (EOM)

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap Nota 10 kepada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik. Berdasarkan Penyata Kedudukan Cukai terkini oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri pada 25 Mei 2022, Kumpulan Wang Industri Elektrik dikenakan kenaikan cukai di bawah Subseksyen 107B(3), Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] berjumlah RM20.15 juta. Jumlah ini meliputi kenaikan cukai bagi tahun taksiran 2019 dan 2020 masing-masing berjumlah RM17.92 juta dan RM2.23 juta.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Tenaga Terhadap Penyata Kewangan

Angota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Anggota Suruhanjaya Tenaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, Angota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan

dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Industri Elektrik;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya Tenaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik berdasarkan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
24 JUN 2022



PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA

Kami Dato' Azian Bin Osman dan Abdul Razib Bin Dawood yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya Tenaga, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Anggota,



Dato' Azian Bin Osman
Pengerusi

Tarikh: **22 JUN 2022**

Tempat: Suruhanjaya Tenaga
Presint 2, Putrajaya

Bagi Pihak Anggota,



Abdul Razib bin Dawood
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh: **22 JUN 2022**

Tempat: Suruhanjaya Tenaga
Presint 2, Putrajaya

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

Saya, Marlinda Binti Mohd Rosli, Pengarah Jabatan Kawal Selia Ekonomi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Industri Elektrik dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **PUTRAJAYA**)
..... **WILAYAH PERSEKUTUAN**)
pada.....)

22 JUN 2022

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH
D-3-2 Ayer@8, Jalan P8G,
Presint 8,
62250 Putrajaya

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021	2020 (dinyatakan semula)
		RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kerja Dalam Pembangunan	5	133,512	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		133,512	-
Aset Semasa			
Faedah Belum Terima	6	7,338,363	410,896
Tunai dan Kesetaraan Tunai	7	178,772,725	1,139,701,130
Pelaburan Jangka Pendek	8	1,623,164,000	-
Penghutang	9	9,253,403	671,410,234
Cukai Terdahulu	10	9,030,784	16,316,877
Jumlah Aset Semasa		1,827,559,275	1,827,839,137
Jumlah Aset		1,827,692,787	1,827,839,137
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	11	266,360,698	1,263,352,383
Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	12	137,522	26,765
Jumlah Liabiliti		266,498,220	1,263,379,148
ASET BERSIH		1,561,194,567	564,459,989
Aset Bersih:			
Lebihan Terkumpul		1,561,194,567	564,459,989
ASET BERSIH		1,561,194,567	564,459,989

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.


KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021	2020 (dinyatakan semula)
		RM	RM
Pendapatan			
Terimaan Sumbangan	13	1,496,567,598	1,346,496,347
Pendapatan Faedah	14	24,562,142	20,174,338
		1,521,129,740	1,366,670,685
Perbelanjaan			
Rebat/Surcaj Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)	15	(491,559,612)	(11,867,913)
Diskaun Elektrik	16	(25,455,046)	(1,906,325,494)
Kos Pentadbiran	17	(92,728)	(55,690)
Caj Bank		(1,683)	(485)
		(517,109,069)	(1,918,249,582)
LEBIHAN/(KURANGAN) SEBELUM CUKAI		1,004,020,671	(551,578,897)
Cukai	18	(7,286,093)	(5,969,949)
LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI	19	996,734,578	(557,548,846)

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	2021	2020 (dinyatakan semula)
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	564,459,989	1,122,008,835
Lebihan/(Kurangan)		
Pendapatan Atas Perbelanjaan	1,004,020,671	(551,578,897)
Cukai tahun semasa	(7,286,093)	(5,969,949)
Baki pada 31 Disember	1,561,194,567	564,459,989

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021	2020 (dinyatakan semula)
		RM	RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai		1,004,020,671	(551,578,897)
Pelarasan bagi: Pendapatan Faedah	14	(24,562,142)	(20,174,338)
Lebihan/(Kurangan) sebelum perubahan modal kerja		979,458,529	(571,753,235)
Perubahan dalam modal kerja:			
Pengurangan Penghutang		662,156,831	371,785,775
(Peningkatan)/Pengurangan Faedah Belum Terima		(6,927,467)	2,447,663
(Pengurangan)/Peningkatan Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru		(996,880,928)	1,117,906,371
Tunai dihasilkan dalam aktiviti operasi		637,806,965	920,386,574
Bayaran cukai		–	(212,369,873)
Tunai bersih dihasilkan dalam aktiviti operasi		637,806,965	708,016,701
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pendapatan Faedah	14	24,562,142	20,174,338
Peningkatan Kerja Dalam Pembangunan	5	(133,512)	–
Pelaburan Jangka Pendek	8	(1,623,164,000)	243,174,710
Tunai bersih (digunakan)/dihasilkan daripada aktiviti pelaburan		(1,598,735,370)	263,349,048
(Pengurangan)/Penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai		(960,928,405)	971,365,749
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		1,139,701,130	168,335,381
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		178,772,725	1,139,701,130
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:			
Tunai di Tangan dan Baki di Bank		12,053,725	663,130
Deposit di Bank Berlesen	7	166,719,000	1,139,038,000
		178,772,725	1,139,701,130

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Bajet RM	Jumlah Sebenar RM	[^] Varian Bajet RM
Penerimaan			
Terimaan Sumbangan	1,493,050,000	1,496,567,598	(3,517,598)
Pendapatan Faedah	24,570,000	24,562,142	7,858
	1,517,620,000	1,521,129,740	(3,509,740)
Pembayaran			
Surcaj ICPT	493,000,000	491,559,612	1,440,388
Diskaun Elektrik	64,000,000	25,455,046	38,544,954
Kos Pentadbiran dan Caj Bank	99,200	94,411	4,789
Cukai Tahun Semasa	7,290,000	7,286,093	3,907
Pembangunan Sistem	1,500,000	133,512	1,366,488
	565,889,200	524,528,674	41,360,526
PENGGUNAAN BERSIH	951,730,800	996,601,066	(44,870,266)

[^]Varian bajet merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet dan Jumlah Sebenar.

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021

1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Tenaga merupakan agensi pengawalselia tunggal bagi pengawalseliaan dan pembangunan sektor tenaga. Suruhanjaya Tenaga mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan penjanaan tenaga termasuk mengawalselia setiap individu yang berlesen bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah peruntukan subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan bahawa "Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen". Berasaskan kepada peruntukan undang-undang tersebut, Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja kawal selia berdasarkan incentif (*Incentive-Based Regulation Framework - IBR*) bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada setiap tempoh kawal selia tiga tahun bermula tahun 2015 hingga tahun 2017 sebagai tempoh kawal selia tiga tahun yang pertama. Pada 13 Disember 2017, Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan kerangka kerja IBR bagi tempoh kawal selia yang kedua bermula pada tahun 2018 hingga 2020. Pada 18 Disember 2020, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tempoh Regulatory Period 2 yang berakhir pada tahun 2020 kepada tahun 2021.

Di bawah IBR, tarif elektrik mempunyai dua komponen utama, iaitu tarif asas yang tidak berubah dalam tempoh kawal selia IBR dan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) dalam bentuk rebat atau pun surcaj dalam tarif pengguna yang dilaksanakan pada setiap 6 bulan. ICPT adalah untuk melepaskan apa-apa kos tak berimbang (*imbalance cost*), iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api serta kos lain penjanaan yang didapati munasabah dan diluar kawalan TNB dengan kos unjuran yang diguna pakai dalam penetapan tarif asas bagi tempoh 6 bulan sebelumnya.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

2. KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditadbir urus sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga yang beroperasi di No.12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.

KWIE telah ditubuhkan melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) ABE, yang dipinda dan dikuatkuasa pada 1 Januari 2016 bagi tujuan menguruskan impak tarif elektrik kepada pengguna serta apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. KWIE beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan dan ditandatangani oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga pada **22 Jun 2022**.

Penyata Kewangan KWIE dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

3. ASAS PENYEDIAAN

a) Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan Suruhanjaya Tenaga yang disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia - "Malaysian Public Sector Accounting Standard" (MPSAS) yang diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan mengukur Aset dan Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2021


c) Asas Perakaunan

Pada 1 Januari 2020, KWIE telah memilih untuk menerima pakai MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan bermula tahun 2020. MPSAS yang diterima pakai adalah seperti berikut:-

MPSAS 1	Persembahan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 9	Hasil daripada Urusniaga Pertukaran
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 21	Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai
MPSAS 22	Pendedahan Maklumat Kewangan
MPSAS 23	Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 26	Penjejasan Aset Menjana Tunai
MPSAS 29	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan: Pendedahan
MPSAS 31	Aset Tak Ketara
MPSAS 38	Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

d) Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan Penyata Kewangan mengikut MPSAS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

d) Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan (sambungan)

Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza. Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan.

Semakan anggaran perakaunan, sekiranya ada akan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

4. POLISI PERAKAUNAN

a) Kerja Dalam Pembangunan

Kerja dalam pembangunan merupakan pembangunan sistem kewangan (SAGA) yang dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait terus dengan perolehan sistem.

Kerja dalam pembangunan akan dipermodalkan sebagai aset tak ketara selepas ianya selesai dibangunkan.

b) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, bank dan deposit di bank dan institusi kewangan lain yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2021

c) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan jangka pendek (PJP) merupakan deposit di bank dan institusi kewangan lain serta mempunyai keairan tinggi dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan dan sehingga setahun dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

d) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kos dan ditolak dengan peruntukan hutang ragu, jika ada.

e) Pemutang

Pemutang dan pelbagai pemutang dan perbelanjaan terakru dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barang dan perkhidmatan yang telah diterima.

f) Rosot Nilai

Nilai bawaan bagi aset-aset KWIE dan aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai perolehan semula akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika nilai bawaan aset tersebut telah dinilai semula, di mana ianya dikenakan ke rizab. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai gunaan bagi aset atau aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai melebihi nilai penampungnya.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

f) Rosot Nilai (sambungan)

Amaun yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih besar antara harga jualan bersih harta tersebut dan nilai gunaannya. Dalam menentukan nilai gunaan, anggaran nilai tunai masa depan akan didiskaunkan kepada nilai terkini menggunakan kadar diskain sebelum cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa tunai dan risiko-risiko khusus atas harta tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunainya secara tersendiri, amaun yang boleh diperolehi ditentukan untuk aset yang dippunyai oleh unit penghasilan tunai untuk aset berkenaan.


Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosot nilai akan diambil kira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang boleh diperolehi.

Kerugian rosot nilai hanya akan dikira semula ke tahap nilai bawaan asal, setelah ditolak susut nilai, seolah-olah kerugian rosot nilai tidak pernah dikenakan. Kiraan semula tersebut akan dikenakan ke penyata pendapatan, melainkan jika kiraan semula tersebut dikenakan kepada aset yang dinilai semula, ianya akan dikenakan ke ekuiti.

g) Percukaian

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebihan boleh cukai bagi tahun berkenaan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang digunakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2021

g) Percukaian (sambungan)

Pada tahun kewangan 2020, KWIE telah diberikan pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh dua (2) tahun mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

h) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

i) Pengiktirafan Pendapatan

Terimaan Sumbangan

Terimaan sumbangan merupakan pendapatan urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf mengikut asas akruan apabila hak yang diluluskan untuk menerima sumbangan disahkan dan diterima pada tahun kewangan.

Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah merupakan pendapatan urusniaga pertukaran. Pendapatan faedah daripada simpanan tetap (FD) dan PJP juga diambilkira mengikut asas akruan.

ii) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan bagi surc妖/rebat ICPT, peruntukan cukai dan kos pentadbiran diambilkira mengikut asas akruan.

Waiau bagaimanapun, perbelanjaan surc妖 ICPT pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) diambilkira mengikut asas tunai dan direkodkan berdasarkan penerimaan dokumen tuntutan daripada pemegang LAP.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

i) Pendedahan Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

j) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

KWIE berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

Pengukuran Peruntukan

KWIE menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

k) Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021

I) Maklumat Bajet

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan KWIE yang didedahkan di dalam satu penyata.

5. KERJA DALAM PEMBANGUNAN

	2021	2020
	RM	RM
Kerja Dalam Pembangunan	133,512	-
JUMLAH	133,512	-

Kerja Dalam Pembangunan di bawah aset tak ketara merupakan kerja pembangunan bagi sistem kewangan (SAGA) yang bermula pada akhir tahun 2021 dan dijangka siap pada awal tahun 2022.

Pelunasan aset tak ketara diiktiraf di dalam penyata pendapatan setelah kerja dalam pembangunan selesai dengan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat usia guna aset.

6. FAEDAH BELUM TERIMA

	2021	2020
	RM	RM
Faedah Belum Terima	7,338,363	410,896
JUMLAH	7,338,363	410,896

Pendapatan faedah belum terima adalah faedah belum matang bagi dana yang ditempatkan di akaun Short-Term Money Market Deposit (STMMD), akaun simpanan tetap dan PJP berlandaskan patuh syariah yang diambil kira dari tarikh penempatan sehingga tahun kewangan berakhir pada 31 Disember.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

7. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2021	2020
	RM	RM
Tunai di Tangan dan Baki di Bank	12,053,725	663,130
Deposit di Bank Berlesen	166,719,000	1,139,038,000
JUMLAH	178,772,725	1,139,701,130

Tunai di tangan digunakan khususnya untuk pembayaran elaun kehadiran mesyuarat ahli Jawatankuasa KWIE, manakala baki di bank ialah baki yang disimpan di dalam akaun simpanan semasa di CIMB Islamic Bank.

Deposit di bank berlesen ialah jumlah simpanan di akaun STMMD dan di akaun simpanan tetap dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pembelian, dan akan dipindahkan ke akaun simpanan semasa pada tarikh matang.

8. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2021	2020
	RM	RM
Pelaburan Jangka Pendek	1,623,164,000	-
JUMLAH	1,623,164,000	-

PJP ialah dana dalam akaun simpanan tetap dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan yang ditempatkan di institusi-institusi kewangan yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan (MOF). Pada tahun 2021, dana KWIE ditempatkan di PJP pada 18 Oktober 2021 dengan tempoh penempatan empat (4) bulan dan akan matang pada 18 Februari 2022.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021

8. PELABURAN JANGKA PENDEK (SAMBUNGAN)

PJP di dalam Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung seperti berikut.

	2021	2020
	RM	RM
Pada tahun kewangan sebelum	-	243,174,710
Pada tahun kewangan semasa	1,623,164,000	-
PERUBAHAN	(1,623,164,000)	243,174,710

9. PENGHUTANG

	2021	2020 (dinyatakan semula)
	RM	RM
Lebihan ICPT di bawah IBR	9,223,374	167,704,181
Pelarasan Hasil dan Kos di bawah IBR	-	91,880,339
Peruntukan MOF bagi Diskaun Elektrik	-	399,800,000
Lebihan Tuntutan Diskaun 2020	-	12,025,714
Lebihan Tuntutan Diskaun Pakej		
Bantuan Perlindungan Ekonomi &		
Rakyat Malaysia (PERMAI 2021)	30,029	-
JUMLAH	9,253,403	671,410,234

Lebihan ICPT di bawah mekanisme IBR yang belum diterima daripada NUR berjumlah RM9,223,374 adalah bagi tempoh 1 Julai sehingga 31 Disember 2021.

Terdapat lebihan tuntutan diskau PERMAI 2021 oleh Malaysia Airport (Sepang) Sdn Bhd yang telah ditampung oleh KWIE sebanyak RM30,029. Lebihan tuntutan berkenaan telah dipindahkan dan diterima oleh KWIE pada 3 Januari 2022.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

9. PENGHUTANG (SAMBUNGAN)

Dalam masa yang sama, Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2020 dinyatakan semula dengan pelarasan lebihan tuntutan diskaun bagi tahun 2020 yang merangkumi Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Bantuan PRIHATIN Elektrik (BPE) oleh TNB sebanyak RM12,025,714. Lebihan tuntutan ini telah diterima oleh KWIE pada 29 Disember 2021.

Penerangan dibaca bersama **Nota 13** dan **Nota 16**.

10. CUKAI TERDAHULU

	2021	2020
	RM	RM
Cukai terdahulu	9,030,784	16,316,877
JUMLAH	9,030,784	16,316,877

KWIE telah diberi pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh dua (2) tahun mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021. Waiau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Sehubungan itu, pendapatan lain diterima KWIE iaitu pendapatan faedah bagi tahun 2021 dikenakan cukai sebanyak RM7,286,093. Manakala cukai terdahulu sebanyak RM16,316,877 adalah lebihan ansuran cukai yang dijelaskan pada tahun 2020. Oleh itu, cukai terdahulu sebanyak RM9,030,784 adalah baki lebihan ansuran cukai selepas mengambil kira cukai dikenakan bagi tahun taksiran 2021.

Penyata Kedudukan Cukai KWIE yang diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada 25 Mei 2022, menunjukkan terdapat kenaikan cukai yang dikenakan ke atas KWIE di bawah peruntukan Seksyen 107B(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP). Sehingga 21 Jun 2022, pihak KWIE sedang menyemak dan menentusahkan pengenaan cukai tersebut di bawah Seksyen 107B(3) ACP berkenaan bersama LHDNM.

Penerangan dibaca bersama **Nota 18**.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021

11. PEMIUTANG

	2021	2020
	RM	RM
TNB	266,360,698	1,242,313,149
NUR Distribution Sdn Bhd (NUR)	-	11,761,594
LAP	-	9,277,640
JUMLAH	266,360,698	1,263,352,383

Pemiutang adalah komitmen yang perlu dibayar oleh KWIE dalam tahun semasa tetapi belum dijelaskan lagi berikut dokumen tuntutan masih belum lengkap atau diterima oleh Unit KWIE.

Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 23 Jun 2021 telah membuat keputusan bahawa pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Julai sehingga 31 Disember 2021 ditampung menggunakan dana KWIE yang beranggaran sebanyak RM491.56 juta atau bersamaan rebat pada kadar RM0.87 sen/kWj. Sehingga akhir tahun 2021, KWIE telah menjelaskan pembayaran tuntutan rebat ICPT TNB sebanyak RM225,198,914 untuk tempoh Julai 2021 hingga September 2021, manakala baki rebat ICPT bagi bulan Oktober 2021 hingga Disember 2021 sebanyak RM266,360,698 akan dijelaskan pada tahun 2022 setelah tuntutan diterima daripada TNB.

Penerangan dibaca bersama **Nota 15 dan Nota 16**.

12. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2021	2020
	RM	RM
Fi Audit	18,025	18,025
Fi Ejen Cukai	6,000	8,740
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	24,489	-
Kos Sistem Kewangan KWIE	89,008	-
JUMLAH	137,522	26,765

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

12. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU (SAMBUNGAN)

Fi Audit merujuk kepada fi yang dibayar bagi tujuan pengauditan Penyata Kewangan KWIE. Mulai tahun 2019, Jabatan Audit Negara (JAN) telah melantik Firma Audit Swasta (FAS) bagi menjalankan pengauditan Penyata Kewangan KWIE.

Fi Ejen Cukai merujuk kepada fi yang dibayar kepada ejen cukai yang dilantik bagi menguruskan hal-hal berkenaan dengan cukai KWIE. Ejen yang dilantik adalah KPMG Tax Services Sdn Bhd (KPMG). Kos sebanyak RM6,000 adalah tidak termasuk kos *out of pocket* yang terlibat pada tahun semasa. Termasuk dalam fi ejen cukai juga adalah pembayaran pengurusan berkaitan dengan pengecualian cukai ansuran bagi tahun 2021.

Selain itu, KWIE telah menjelaskan separuh daripada bayaran kos penerbitan Laporan Tahunan KWIE tahun 2020 pada tahun 2021 manakala baki bayaran tersebut dijelaskan pada awal tahun 2022.

Manakala kos sistem kewangan KWIE pula merupakan kos tuntutan kemajuan bagi kerja dalam pembangunan sistem.

Penerangan dibaca bersama **Nota 5 dan Nota 17**.

13. TERIMAAN SUMBANGAN

	2021	2020
	RM	RM
Lebihan ICPT di bawah IBR	1,114,885,398	1,013,830,506
Pelarasan Hasil dan Kos di bawah IBR	381,682,200	332,665,841
JUMLAH	1,496,567,598	1,346,496,347

Lebihan ICPT di bawah mekanisme IBR diterima daripada TNB bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 sebanyak RM1,105,662,024 manakala sebanyak RM9,223,374 penjimatan ICPT akan diterima daripada NUR bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2021.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2021

13. TERIMAAN SUMBANGAN (SAMBUNGAN)

Pelarasan hasil dan kos di bawah mekanisme IBR bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 juga telah diterima daripada TNB adalah sebanyak RM381,682,200.

Keputusan Kerajaan berkenaan pindahan dana ke dalam KWIE adalah seperti di bawah:

Tarikh MJM	Keputusan
i. 18 Disember 2020	<ul style="list-style-type: none"> • TNB: Anggaran lebihan ICPT bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 sebanyak RM1.10566 billion¹.
ii. 23 Jun 2021	<ul style="list-style-type: none"> • TNB: Anggaran pelarasan hasil dan kos bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 bagi tempoh lanjutan RP2 IBR sebanyak RM378.17 juta². • NUR: Anggaran lebihan ICPT tempoh 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 sebanyak RM9.22 juta¹.

Nota:

1. Lebihan ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berdasarkan amaun anggaran manakala dana yang akan dipindahkan oleh TNB/NUR ke dalam KWIE berdasarkan amaun sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas audit melebihi amaun yang diluluskan Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif pada tempoh semakan berikutnya.
2. Pelarasan hasil dan kos yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berdasarkan amaun anggaran manakala dana yang dipindahkan oleh TNB ke dalam KWIE berdasarkan amaun sebenar selepas audit.

Penerangan dibaca bersama **Nota 9**.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021

14. PENDAPATAN FAEDAH

	2021	2020
	RM	RM
Akaun STMMD/ FD/ PJP		
~ Faedah Matang	11,372,876	12,962,715
~ Faedah Belum Terima	7,338,363	410,896
Hibah Akaun CA	5,850,903	6,800,727
JUMLAH	24,562,142	20,174,338

15. REBAT/SURCAJ ICPT

	2021	2020
	RM	RM
TNB	491,559,612	-
NUR	-	11,550,000
LAP	-	317,913
JUMLAH	491,559,612	11,867,913

Sebanyak RM491 juta rebat ICPT TNB bagi tempoh 1 Julai sehingga 31 Disember 2021 ditampung oleh dana KWIE. Jumlah ini adalah bersamaan rebat pada kadar RM0.87 sen/kWj.

Berdasarkan keputusan MJM, tiada sebarang pembayaran rebat/surcaj oleh KWIE kepada NUR dan pemegang LAP pada tahun 2021.

Penerangan dibaca bersama **Nota 11**.

16. DISKAUN ELEKTRIK

	2021	2020 (dinyatakan semula)
	RM	RM
TNB	22,888,549	1,876,921,839
LAP (termasuk NUR)	2,566,497	29,403,655
JUMLAH	25,455,046	1,906,325,494

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021

16. DISKAUN ELEKTRIK (SAMBUNGAN)

Pada tahun 2021, Kerajaan meneruskan inisiatif pemberian diskaun bil elektrik melalui paket PERMAI 2021 dengan memberikan diskaun sebanyak 10% kepada enam (6) sektor perniagaan terpilih berkaitan pelancongan di Semenanjung Malaysia, melalui tuntutan sebenar pembekal utiliti iaitu TNB dan pemegang LAP yang kemudiannya dijelaskan berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan. Pemberian diskaun bil elektrik PERMAI 2021 ini diluluskan dengan siling peruntukan sebanyak RM128 juta yang dibiayai secara bersama di antara MOF melalui dana daripada Kumpulan Wang COVID-19 (KWC) dan dana KWIE dengan nisbah 50:50. Memandangkan tempoh pelaksanaan PERMAI 2021 adalah daripada bulan Januari 2021 hingga Mac 2021, kesemua tuntutan diskaun bil elektrik PERMAI 2021 telah dijelaskan sepenuhnya kepada TNB dan pemegang LAP pada tahun 2021.

Dalam masa yang sama, terdapat lebihan tuntutan diskaun PERMAI 2021 oleh Malaysia Airport (Sepang) Sdn Bhd bagi tumpungan KWIE sebanyak RM30,029. Jumlah ini telah dipindahkan dan diterima oleh KWIE pada 3 Januari 2022 dan direkodkan sebagai penghutang dalam Penyata Kewangan KWIE tahun 2021.

Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2020 dinyatakan semula dengan pelarasian lebihan tuntutan diskaun bagi tahun 2020 yang merangkumi PRE2020, PRIHATIN dan BPE oleh TNB sebanyak RM12,025,714.

Penerangan dibaca bersama **Nota 9** dan **Nota 11**.

17. KOS PENTADBIRAN

	2021	2020
	RM	RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	19,000	13,000
Fi Audit	18,025	18,025
Fi Ejen Cukai	6,726	11,064
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	48,977	13,601
JUMLAH	92,728	55,690

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021

17. KOS PENTADBIRAN (SAMBUNGAN)

Selaras dengan seksyen 44C ABE, Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga bilangan 7 Tahun 2017 telah memutuskan supaya dana KWIE digunakan bagi membuat pembayaran cukai, kos khidmat perunding, kos khidmat juruaudit atau perkhidmatan khas di luar pentadbiran Suruhanjaya Tenaga. Manakala, kos-kos sokongan pentadbiran lain dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga.

Elaun Kehadiran Mesyuarat merujuk kepada elauan yang diberikan kepada wakil tetap atau wakil ganti atau wakil yang hadir dari ahli luar yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) mulai tahun 2017. Ahli luar JKKWIE merupakan wakil daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Tenaga, dan Sumber Asli (KeTSA), MOF dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Penerangan dibaca bersama **Nota 12**.

18. CUKAI

	2021	2020
	RM	RM
Perbelanjaan Cukai		
Cukai tahun semasa	7,286,093	5,969,951
Lebihan peruntukan tahun terdahulu	-	(2)
JUMLAH	7,286,093	5,969,949
Penyesuaian kadar cukai efektif		
Pendapatan faedah	24,562,142	20,174,338
	24,562,142	20,174,338
Cukai pada RM1 ,000,000 pertama	237,450	237,650
Cukai pada RM1 ,000,000 kedua (28%)	280,000	280,000
Baki pada kadar cukai 30%	6,768,643	5,452,301
Perbelanjaan Cukai	7,286,093	5,969,951
Lebihan peruntukan tahun terdahulu	-	(2)
JUMLAH	7,286,093	5,969,949

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2021

18. CUKAI (SAMBUNGAN)

Pada tahun kewangan 2020, KWIE telah diberikan pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh dua (2) tahun mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Sehubungan itu, pendapatan faedah KWIE yang merupakan pendapatan lain yang diterima KWIE adalah tertakluk kepada cukai oleh LHDNM.

19. LEBIHAN / (KURANGAN) SELEPAS CUKAI

	2021	2020 (dinyatakan semula)
	RM	RM
Lebihan/(Kurangan) bersih selepas cukai	996,734,578	(557,548,846)
JUMLAH	996,734,578	(557,548,846)

Berikutan penularan wabak pandemik COVID-19, Kerajaan telah mengumumkan pemberian diskau bil elektrik kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung Malaysia pada tahun 2020 dan 2021.

Pemberian diskau bil elektrik ini merupakan perbelanjaan luar jangka yang melibatkan sejumlah besar perbelanjaan yang melebihi pendapatan semasa KWIE, terutamanya pada tahun 2020. Oleh itu, perbelanjaan pemberian diskau bil elektrik tahun 2020 telah ditampung sebahagiannya oleh dana terkumpul daripada tahun-tahun terdahulu.

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

20. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Transaksi dengan kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti KWIE secara langsung atau tidak langsung. Transaksi yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	2021	2020
	RM	RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	19,000	13,000
JUMLAH	19,000	13,000

Sepanjang tahun 2021, Mesyuarat JKKWIE telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali (2020: 5 kali) bagi membincangkan dan memperakulkan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan pengurusan dana KWIE.


21. IMPLIKASI PANDEMIK COVID-19

Penularan wabak pandemik COVID-19 memberi kesan kepada KWIE dengan penggunaan dana KWIE untuk menampung pemberian diskau bil elektrik kepada pengguna pada tahun 2021 dan 2020.

Penerangan dibaca bersama **Nota 16** dan **Nota 19**.

22. KOMITMEN MODAL

	2021	2020
	RM	RM
Diluluskan dan Dikontrakkan		
Kerja Dalam Pembangunan	996,596	-
JUMLAH	996,596	-



KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021

22. KOMITMEN MODAL (SAMBUNGAN)

Komitmen modal adalah baki kontrak bagi projek pembangunan sistem KWIE berserta kos penyelenggaraan sistem selama dua (2) tahun selepas tamat tempoh jaminan. Pelantikan pembekal diluluskan pada tahun 2021 dan proses pembangunan sistem dijangka akan disiapkan pada tahun 2022.

23. PELARASAN TAHUN SEBELUM

Pada tahun 2020, Kerajaan telah mengumumkan pemberian diskau bil elektrik ekoran penularan wabak pandemik COVID-19 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dilaksanakan melalui PRE2020, PRIHATIN dan BPE bermula 1 April hingga 31 Disember 2020. Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2020 dinyatakan semula apabila terdapat lebihan tuntutan BPE sebanyak RM12,025,714 yang dikembalikan ke akaun dana KWIE pada Disember 2021.

24. ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan bagi tahun lepas telah disusun semula supaya selaras dengan angka yang telah dibentangkan tahun ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dilaporkan terdahulu
	2021	2020
	RM	RM
Aset Semasa		
Penghutang	671,410,234	659,384,520
Jumlah Aset	1,827,839,137	1,815,813,423
Lebihan Terkumpul		
	564,459,989	552,434,275
ASET BERSIH	564,459,989	552,434,275

KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK


Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (AKTA 447)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2021


24. ANGKA PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dilaporkan terdahulu
	2021	2020
	RM	RM
Perbelanjaan		
Diskaun Elektrik	(1,906,325,494)	(1,918,351,208)
KURANGAN SEBELUM CUKAI	(1,918,249,582)	(1,930,275,296)
	(551,578,897)	(563,604,611)
KURANGAN SELEPAS CUKAI		
	(557,548,846)	(569,574,560)



HALAMANINI SENGAJA DIKOSONGKAN



Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)



No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.



(603) 8870 8500



(603) 8888 8637



www.st.gov.my